

CNS6558

U GB 18-07 00180 BA690

AAB

Mahathir - FAEC

FAEC BOLEH BERFUNGSI DI LUAR APEC, KATA DR MAHATHIR

T

LANGKAWI, 18 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa Malaysia yakin Perundingan Ekonomi Asia Timur (FAEC) yang dicadangkan boleh berfungsi secara berkesan tanpa terikat dengan pertubuhan lain.

Beliau berkata, Malaysia sebenarnya tidak mempunyai halangan kepada saranan supaya FAEC menjadi sebuah perundingan dalam APEC, tetapi lebih mahu supaya FAEC menjadi sebuah organisasi tersendiri yang berkesan.

Ketika bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi selepas mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Suharto, Perdana Menteri berkata, Malaysia berpendapat bahawa perundingan itu tidak harus terikat dengan pertubuhan-pertubuhan lain.

"Bagaimanapun, Malaysia bersedia untuk mendengar pandangan daripada rakan-rakan Asean yang lain mengenai isu itu," katanya.

Sambil memberikan contoh Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) yang membabitkan Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico, Dr Mahathir berkata, NAFTA telahpun berfungsi dengan sendiri tanpa menjadi sebahagian daripada pertubuhan APEC.

"FAEC tidak kurang daripada NAFTA dan dengan yang demikian masih boleh bagi FAEC untuk berfungsi di luar APEC." -- Lagi.

▼18/07/17-51MST

R GB 18-07 00191 BA691

BAH

Mahathir - FAEC 2 Langkawi

Dr Mahathir berkata Mesyuarat Menteri-menteri Asean di Singapura minggu depan akan membincangkan buruk-baiknya pelbagai modaliti seperti yang diuraikan dalam kertas kerja Setiausaha Agung Asean mengenai FAEC.

Perdana Menteri berkata, pada perbincangannya selama dua setengah jam dengan Suharto semalam, Suharto menyatakan sokongan penuh Indonesia kepada matlamat dan konsep FAEC, tetapi mahu ia dilaksanakan dengan cara yang membolehkan ia menjadi lebih berkesan.

Perbincangan tertumpu kepada perkembangan cadangan FAEC itu sendiri dan dalam konteks melaksanakan perundingan itu di dalam APEC, katanya.

Ketika ditanya sama ada pendiriannya untuk tidak pergi ke Seattle bagi menghadiri mesyuarat ketua-ketua kerajaan APEC seperti yang dicadangkan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, masih lagi kekal, beliau berkata, beliau telahpun mengambil keputusan untuk tidak pergi.

Dr Mahathir berkata, Suharto telah memberitahunya bahawa beliau akan mendapat pandangan daripada pemimpin-pemimpin Asean yang lain mengenai sidang kemuncak APEC dan pemimpin Indonesia itu tidak pula memberikan komitmennya semasa pertemuannya dengan Clinton di Tokyo baru-baru ini.

Suharto berada di Tokyo dan mengadakan pertemuan dengan para pemimpin G-7 termasuk Clinton dan Perdana Menteri Jepun, Miyazawa berlandaskan hubungan dua hala. -- Lagi.

▼18/07/18-21MST

U GB 18-07 00151 BA692

AAB

Mahathir - EAEC 3 Langkawi

Mengenai perbincangan isu EAEC-APEC, Suharto menyuarakan kebimbangannya mengenai China dan apa yang akan diperkatakan China jika Taiwan diwakili pada peringkat tertentu, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, Suharto dengan panjang lebar telah memberitahunya apa yang telah dibincangkannya dengan para pemimpin G-7, mengenai pandangannya berhubung G-7 berbanding dengan pandangan negara membangun dan soal perdagangan.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, beliau memaklumkan kepada Suharto mengenai pemerhatiannya semasa lawatan 10 harinya ke China baru-baru ini.

Beliau memberitahu Suharto mengenai pembangunan berterusan di China, ekonomi China yang kuat dan China sebagai jiran yang kuat, dan dengan yang demikian perlunya "menyesuaikan pemikiran kita dengan keadaan itu."

Ketika menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata, beliau dan Suharto tidak membincangkan sebarang perkara mengenai keselamatan berhubung Amerika Syarikat, Rusia atau China kerana "barang kali kita merasa bahawa kita tidak terasa diancam negara-negara itu". -- Lagi.

▼18/07/18-30MST

CNS6582

U GB 18-07 00068 BA693

AAB

Mahathir - EAEC 4 (Akhir) Langkawi

Perkara lain yang dibincangkan ialah tragedi Bosnia, perdagangan antarabangsa, tuntutan bertindih Pulau Sipadan dan Iugitan, pekerja asing Indonesia dan projek pembangunan segitiga membabitkan Sumatera (Indonesia), Thailand Selatan dan negeri-negeri utara Semenanjung.

Dr Mahathir berkata, beliau dan Suharto mempunyai pandangan yang sama mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa. -- Bernama.

AHH/OA KAM.